



Penjagaan

Demensia

Apa itu demensia?

Demensia adalah penyakit yang mempengaruhi otak. Penghidap Demensia mungkin mempunyai masalah yang menjejaskan daya ingatan dan kesukaran untuk mempelajari kemahiran baru atau memiliki cara untuk menyelesaikan masalah. Mereka juga mungkin menunjukkan perubahan pada keperibadian dan mempunyai kesukaran untuk berkomunikasi dengan orang lain. Demensia bukanlah sebahagian dari proses penuaan yang biasa.

Demensia tidak hanya memberi kesan kepada penghidapnya. Ia boleh menjadi sebuah pengalaman yang mencabangkan kepada ahli keluarga dan penjaga.

Pasukan rawatan Demensia

Pasukan ini terdiri daripada doktor, jururawat, ahli fisiotherapi, ahli terapi carakerja, pekerja sosial, penyelarasan penjagaan dan kakitangan pastoral yang memberikan sokongan emosi dan sosial.

Melalui rangkaian perkhidmatan yang komprehensif, kami menjaga pesakit secara keseluruhan dengan menyediakan rawatan psikososial, perubatan dan pemulihan.

Tujuan kami adalah untuk menyokong pesakit dan penjaga mereka mengatasi jagaan di rumah dan di masyarakat.



Pasukan berbilang disiplin penjagaan Demensia memberi perhatian yang menyeluruh bagi pesakit dengan memberikan penjagaan dan rawatan fizikal, emosi, dan psikososial.

Rawatan pesakit dalam hospital

Kami mempunyai wad demensia yang direka khas untuk menguruskan keperluan perubatan dan pemulihan pesakit.

Wad ini menyediakan persekitaran yang selesa, dengan adanya sebuah halaman sebagai tempat yang selamat untuk pesakit yang ingin mengalami suasana bersantai di luar rumah.

Terdapat pelbagai kegiatan yang boleh dipilih oleh pesakit dan penjaga mereka :

- Sesi terapi berkumpulan di mana pesakit boleh memasak, membuat kraf tangan dan latihan fizikal.
- Makan bersama untuk memberikan pesakit peluang bergaul.
- Meraikan perayaan.
- Membuat buku cerita peribadi.
- Berkebun di halaman.
- Penglibatan diantara muzik, kraf tangan dan terapi.

Sebuah halaman yang direka khas di dalam wad ini memberikan peluang bagi para pesakit dan penjaga mereka untuk merasakan suasana kediaman rumah sewaktu mereka jauh dari rumah mereka.





Penjagaan dan pengurusan mereka dirancang khas untuk setiap individu.

Perkhidmatan rawatan pesakit luar hospital

Klinik Masyarakat, Pusat Pemulihan Harian dan Perkhidmatan Penjagaan Di Rumah menyediakan rawatan bersepadu untuk pengidap demensia dalam masyarakat.

Pasukan penjagaan Demensia juga akan mendidik dan memberi sokongan psikososial kepada para pesakit dan penjaga dalam masyarakat.

Perkhidmatan rawatan di rumah

Perkhidmatan penjagaan Demensia di rumah ini dikhaskan untuk golongan pesakit yang tinggal di barat Singapura.

Perkhidmatan ini memberikan penilaian dan sokongan yang komprehensif untuk pesakit dan penjaga mereka.

Pekerja perubatan sosial dan penyelarass penjagaan menyediakan:

- Kaunseling dan sokongan untuk mencapai penanganan yang lebih baik di rumah. Pasukan ini berganding bahu dengan doktor di klinik-klinik kejiranan (general practitioner-GP).
- Melibatkan perkhidmatan yang sesuai untuk memenuhi keperluan penjagaan para pesakit.
- Memberikan pendidikan, latihan dan sokongan untuk mengurangkan tekanan dan melengkapkan kemahiran para pesakit dan penjaga mereka untuk hidup lebih baik di dalam masyarakat.

Kami mengalu-alukan rujukan dan pertanyaan dari institusi-institusi kesihatan, masyarakat dan ahli keluarga pesakit.

Tel: 6895 2794

Email: homeintervention@stluke.org.sg

St Luke's Hospital

2 Bukit Batok Street 11 Singapore 659674

Tel: 6563 2281 Fax: 6561 8205

Email: general@stluke.org.sg

● slh.org.sg ● fb.com/slhsg ● giving.sg/slh



Operating hours

Mon–Fri

8.30 am–5.30 pm

Sat

8.30 am–12.30 pm

Closed on Sundays
and public holidays

Visiting hours

Mon–Sun

10.00 am–8.00 pm

By MRT

Alight at Bukit Batok MRT Station, take feeder service 991 from Bukit Batok Bus Interchange.

By car

Limited car park lots are available within the hospital. Additional car parks are available at Blk 142, 160 and 161. A multi-storey car park is located at Blk 154A.